



Kelantan pilih ayat 24-28 Surah Al-Anfal sebagai teks tadarus Ramadan 1447H

Zakat fitrah Kelantan tahun 1447H ditetapkan RM10

Kuda simbolik lambang kekuatan rakyat Kelantan

Pesawah wira sekuriti makanan negara, kebajikan mereka dipelihara - Exco Pertanian

## Jadikan Ramadan 1447H medan memperkukuh iman – MB Kelantan


Oleh: Norzana Razaly

**KOTA DARULNAIM**, 19 Februari – Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud menyeru seluruh umat Islam menjadikan Ramadan 1447 Hijrah sebagai medan memperkukuh iman, memperhalusi akhlak dan memperteguh hubungan dengan al-Quran dalam usaha membina kehidupan yang diredai Allah SWT.

Dalam Perutusan Ramadan 1447H/2026M, beliau memetik firman Allah SWT dalam Surah Sod, ayat 29 yang menegaskan bahawa al-Quran diturunkan sebagai kitab yang penuh keberkatan untuk ditadabbur, difahami serta dijadikan pedoman oleh golongan yang berakal.

Menurutnya, kehadiran Ramadan bukan sekadar putaran waktu tahunan, sebaliknya sebuah madrasah rohani yang dinanti-nantikan oleh orang beriman. Kegembiraan menyambut bulan penuh kemuliaan ini, katanya, hanya benar-benar dirasakan oleh hati yang hidup dengan kesedaran terhadap kebesaran Ilahi.

"Ramadan merupakan peluang terbaik untuk membuktikan keazaman yang telah dipupuk sejak bulan Rejab lagi, bagi memperkukuh iman dan mengislah sahsiah diri demi mencapai darjat takwa," katanya.



Beliau menegaskan bahawa penurunan al-Quran pada bulan Ramadan menjadi isyarat jelas tentang kedudukan kitab suci tersebut sebagai sumber petunjuk utama dalam membentuk keperibadian mukmin.

"Tanpa panduan wahyu, manusia mudah tersasar daripada matlamat kehidupan sebenar yang menjurus kepada keredaan Allah SWT," jelasnya.

Sehubungan itu, beliau mengajak umat Islam memperbanyakkan tilawah dan mempertingkat usaha mentadabbur al-Quran sepanjang Ramadan, dengan memanfaatkan kemudahan teknologi masa kini untuk membaca, memahami dan menghayati kandungan wahyu agar

dapat diterjemahkan dalam kehidupan seharian.

Dalam konteks pentadbiran negeri, beliau memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan terus komited memakmurkan al-Quran melalui pelaksanaan program Tadarus al-Quran di setiap peringkat sebagai manifestasi mendidik rakyat agar mengisi Ramadan dengan penghayatan yang lebih bermakna.

Tambahnya, tema "Penghayatan Membangun Bersama Islam" yang diangkat berteraskan ayat 24 hingga 28 Surah al-Anfal menjadi tekad kerajaan negeri untuk menjunjung perintah Allah dan Rasul dalam usaha mewajahkan Kelantan Sejahtera dengan kehidupan bersendi-

“

Ramadan merupakan peluang terbaik untuk membuktikan keazaman yang telah dipupuk sejak bulan Rejab lagi, bagi memperkukuh iman dan mengislah sahsiah diri demi mencapai darjat takwa,”

kan syariat.

Beliau turut mengajak seluruh rakyat mendoakan agar Ramadan kali ini menjadi Ramadan terbaik dalam kehidupan, dikurniakan keamanan, keimanan serta keselamatan dalam Islam sebagaimana doa yang diriwayatkan oleh Ibn Hibban.

Mengakhiri perutusan, beliau mengucapkan Selamat Menyambut Ramadan al-Mubarak kepada seluruh muslimin dan muslimat, khususnya rakyat Kelantan Darul Naim.

"Semoga Ramadan ini menjadi titik tolak pembinaan jiwa yang lebih tunduk, hati yang lebih jernih dan masyarakat yang lebih sejahtera di bawah naungan rahmat Ilahi," katanya.



# Kelantan pilih ayat 24-28 Surah Al-Anfal sebagai teks tadarus Ramadan 1447H

Oleh: Asri Hamat

**RANTAU PANJANG**, 17 Februari – Kerajaan Negeri Kelantan memilih ayat 24 hingga 28 daripada Surah Al-Anfal sebagai teks tadarus rasmi bagi Ramadan 1447 Hijrah bersamaan 2026 Masihi.

Majlis pelancaran disempurnakan oleh Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud di Masjid Beijing, di sini, pada Isnin.

Teks berkenaan kemudiannya diserahkan kepada ketua-ketua jajahan untuk diedarkan ke jajahan masing-masing bagi tujuan pelaksanaan program tadarus sepanjang Ramadan.

Pada majlis sama, Menteri Besar turut melancarkan teks tadarus jilid dua merangkumi teks dari tahun 1424H hingga 1433H.

Berucap pada majlis itu, Dato' Mohd Nassuruddin berkata pengajuran program seumpama itu amat penting dalam usaha menyemarakkan budaya membaca dan menghayati al-Quran dalam kalangan masyarakat.

"Bulan Ramadan adalah bulan turunnya al-Quran yang menjadi



petunjuk kepada manusia. Pada zaman ini wujud sistem navigasi atau GPS yang menunjukkan jalan ke destinasi tertentu, namun ia hanya terhad kepada urusan dunia. Sebaliknya, al-Quran adalah panduan Ilahi yang membezakan antara yang benar dan batil serta menyelamatkan manusia di dunia dan akhirat," katanya.

Beliau turut menyeru rakyat negeri ini agar bertadarus dan menadabur ayat-ayat suci al-Quran sepanjang Ramadan.

Jelasnya, tadabur menuntut umat Islam membaca, memerhati dengan teliti, memahami serta melaksanakan segala perintah dan pengajaran yang terkandung dalam al-Quran.

"Orang yang bertadarus akan

memperoleh empat kelebihan iaitu dikurniakan ketenangan, rahmat, dikelilingi malaikat dalam majlis tadarus serta disebut namanya oleh Allah SWT di sisi malaikat yang hampir dengan-Nya," ujarnya.

Dato' Mohd Nassuruddin turut mengingatkan masyarakat supaya merebut peluang menggandakan amalan sepanjang Ramadan sebagai bekalan di akhirat.

"Hamba Allah yang meninggal dunia semuanya akan berasa menyesal. Jika dia seorang yang baik, dia menyesal kerana tidak menambah kebaikan ketika hidup. Jika dia seorang yang jahat, dia menyesal kerana tidak menahan dirinya untuk meninggalkan maksiat.

"Justeru, rebutlah peluang da-

lam Ramadan dengan azam untuk melipatgandakan amalan. Ganjaran pada bulan ini berlipat kali ganda berbanding bulan lain. Ibadat sunat diberi ganjaran seperti ibadat wajib pada bulan lain, manakala ibadat wajib pula digandakan sehingga 70 kali," katanya.

Hadir sama, Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan YB Dato' Idham Abdul Ghani, Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud dan timbalannya, YB Nik Bahrum Nik Abdullah, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (Pengurusan) Dato' Azi Rahimee Mohamad, Timbalan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (Pengurusan) Riduan Sulaiman.

## Penjawat awam diseru buat persediaan rapi sambut Ramadan, kekal cemerlang dalam tugas



Oleh: Norzana Razaly

**KOTA DARULNAIM**, 16 Februari – Umat Islam khususnya penjawat awam negeri diseru melakukan persediaan awal yang rapi dari segi mental, fizikal dan spiritual bagi menyambut kehadiran Ramadan yang bakal menjelma pada Khamis depan.

Seruan itu disampaikan Timbalan Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Nik Bahrum Nik Abdullah ketika merasmikan Ma-



jlis Sambutan Ambang Ramadan di Dewan Teratai, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Beliau menyifatkan Ramadan sebagai tetamu istimewa yang menuntut persediaan menyeluruh agar setiap detik yang dilalui memberi nilai tambah kepada diri dan organisasi.

"Ramadan hadir sebagai madrasah tarbiyah. Justeru, kita perlu menyambutnya dengan perancangan yang tersusun supaya ibadah dapat dilaksanakan dengan sempurna

tanpa menjejaskan amanah dan tanggungjawab hakiki," katanya.

Sehubungan itu, beliau menegaskan bahawa penjawat awam perlu memastikan tahap stamina kekal stabil sepanjang Ramadan melalui pengurusan masa yang berdisiplin, penjagaan kesihatan serta pengukuhan rohani agar produktiviti kerja tidak terjejas.

Jelasnya, keseimbangan antara komitmen ibadah dan prestasi tugas merupakan manifestasi sebenar integriti seorang penjawat awam

Muslim yang memahami tuntutan agama dan tanggungjawab perkhidmatan.

Program kerohanian kelolaan Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) itu dihadiri 100 penjawat awam Negeri Kelantan.

Hadirin menyaksikan penampilan pengkuliah khas mantan Menteri Agama Dato' Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri yang menyampaikan tausiah Ambang Ramadan Penjawat Awam Negeri Kelantan 2026/1447H.

Majlis berkenaan bertujuan menyemarakkan suasana Ambang Ramadan di samping memperkukuh kesedaran tentang kepentingan membuat persiapan awal, agar Ramadan kali ini dapat dilalui dengan lebih terancang, bermakna dan memberi impak positif kepada pembangunan diri serta organisasi.

# Kerajaan negeri harap lima ayat Surah al-Anfal ditadurus di seluruh negeri

Oleh: Asri Hamat

**RANTAU PANJANG**, 18 Februari – Kerajaan Negeri Kelantan berharap lima ayat daripada Surah al-Anfal bermula ayat 24 hingga 28 yang dipilih sebagai teks tadarus rasmi sempena Ramadan 1447H, dilaksanakan di seluruh negeri.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, teks berkenaan diharapkan ditaduruskan di semua jajahan termasuk di masjid, pejabat dan sekolah dan sebagainya bagi memastikan mesej yang terkandung dalam ayat tersebut dapat difahami serta dihayati rakyat.

Menurutnya, keutamaan pemilihan ayat berkenaan bertujuan memberi penekanan terhadap ketaatan sepenuhnya kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW tanpa sebarang alasan.

“Teks ini kita jadikan bahan bacaan supaya kita memahami sasaran sebenar lima ayat yang dipilih pada tahun ini. Kerajaan negeri mensasarkan seluruh rakyat Kelantan menjadi individu yang mentaati segala perintah Allah SWT dan Rasulullah SAW.

“Apa-apa hukum yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunah hen-



daklah dijadikan panduan serta diusahakan pelaksanaannya di negeri ini.”

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Teks Tadarus Ramadan 1447H di Masjid Beijing, di sini, pada Isnin.

Tambahnya, kerajaan negeri juga mahu melihat pemimpin dan rakyat sentiasa menjaga amanah dalam setiap aspek kehidupan.

“Amanah bukan sekadar jawatan, tetapi merangkumi segala anugerah Allah SWT kepada kita seperti harta, anak pinak, tanggungjawab dan apa sahaja yang ditaklukkan untuk dilaksanakan tanpa cuai,” ujarnya.

Selain itu, beliau juga menjelaskan bahawa ayat yang dipilih turut memfokus kepentingan menjaga institusi kekeluargaan agar tidak bera-

da dalam keadaan kucar-kacir.

“Kita mahu semua ahli keluarga mentaati perintah Allah SWT bermula daripada ibu bapa, datuk nenek hingga anak cucu.

“Amalan seperti solat dan membaca al-Quran perlu menjadi keutamaan dalam institusi keluarga.

“Sekiranya perkara ini dijaga, insya Allah gejala mungkar dan maksiat dalam masyarakat dapat dielakkan,” katanya.

Tambahnya, dalam ayat yang dipilih memfokuskan seruan kepada umat Islam agar sentiasa bersyukur atas segala nikmat yang dikurniakan Allah SWT, walaupun sekecil-kecil nikmat.

“Setiap nikmat perlu disyukuri agar kita tidak ditimpa musibah. Ini antara fokus besar yang akan ditaduruskan sepanjang Ramadan tahun

ini,” katanya.

Sehubungan itu, beliau menyeru seluruh umat Islam di Kelantan menjadikan al-Quran sebagai keutamaan sepanjang Ramadan dengan memperbanyakkan bacaan setiap hari.

“Usahakan membaca al-Quran setiap hari walaupun tidak mampu menghabiskan satu juzuk. Jika mampu, afdal disempurnakan satu juzuk sehari.

“Jika menghadapi kesukaran, teruskan usaha membaca kerana insya Allah akan mendapat dua pahala iaitu pahala membaca dan pahala berusaha,” katanya.

Beliau menegaskan, kerajaan negeri mahu semua umat Islam di Kelantan membaca al-Quran sepanjang Ramadan dan tidak mahu walau seorang pun yang mengabaikan amalan tersebut.

## Zakat fitrah Kelantan tahun 1447H ditetapkan RM10

Oleh: Syamimi Manah

**KOTA BHARU**, 17 Februari – Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) menetapkan kadar zakat fitrah bagi negeri Kelantan untuk tahun 1447H/2026M sebanyak RM10.00 seorang.

Ketetapan tersebut diperkenalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan selaku Ketua Agama Islam Negeri sebagaimana diperuntukkan di bawah Perkara 6(1) Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan.

Menurut kenyataan media Yang Dipertua MAIK YBM Tengku Tan Sri Dato’ Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz, individu yang ingin membuat bayaran lebih tinggi

berdasarkan keselesaan mengikut harga beras yang dimakan adalah digalakkan untuk membayar sebanyak RM22.00 seorang.

Dalam pada itu, kadar nisab zakat harta bagi Negeri Kelantan untuk haul antara Ramadan 1447H hingga Ramadan 1448H ditetapkan sebanyak RM37,401.00.

Pembayaran zakat boleh dilaksanakan melalui perkhidmatan Kaunter Baitulmal di masjid-masjid bandar dan jajahan di seluruh negeri atau secara dalam talian menerusi portal rasmi MAIK di zakat.e-maik.my.

Sehubungan itu, MAIK berharap semua pihak dapat mengambil maklum berhubung ketetapan berkenaan serta menunaikan tanggungjawab berzakat sebagaimana yang difardukan.

**KINYATAAN MEDIA**  
**KETETAPAN HARGA ZAKAT FITRAH & KADAR NISAB ZAKAT HARTA**  
**NEGERI KELANTAN 1447H / 2026M**

**ZAKAT FITRAH**  
 Telah ditetapkan sebanyak:  
**RM10.00** seorang

Walaupun bagaimanapun, individu yang ingin membuat bayaran sebanyak:  
**RM22.00** seorang  
 (mengikut harga beras yang dimakan)  
 adalah digalakkan.

**KADAR NISAB ZAKAT HARTA**  
 Bagi tahun 1447H/2026M ditetapkan sebanyak:  
**RM37,401.00**  
 (Bagi haul antara Ramadan 1447H hingga Ramadan 1448H)

# Kuda simbolik lambang kekuatan rakyat Kelantan

Oleh: Asri Hamat

**KOTA BHARU**, 15 Februari – Tahun 2026 yang menurut kalendar Cina merupakan Tahun Kuda membawa simbolik kekuatan, ketahanan, keberanian dan semangat untuk terus bergerak maju.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad berkata, kuda bukan haiwan yang statik, sebaliknya sentiasa bergerak ke hadapan dengan penuh tenaga serta memiliki daya tahan tinggi.

Menurutnya, nilai berkenaan amat bertepatan dengan semangat rakyat Kelantan yang tidak mudah mengalah, berani menghadapi cabaran dan sentiasa mencari peluang untuk terus maju.

“Negeri kita memerlukan semangat seperti kuda, iaitu semangat yang kuat, berdaya tahan dan sentiasa bergerak ke hadapan walau berdepan pelbagai cabaran.”

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena majlis sambutan Tahun Baharu Cina 2026 di Dewan Perniagaan Cina, di sini, pada Jumaat.

Katanya lagi, kerajaan negeri



komited memastikan pembangunan yang inklusif, adil dan menyeluruh kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira kaum serta latar belakang.

Menurutnya, Kelantan sejak dahulu terkenal dengan keunikan masyarakatnya yang terdiri daripada kaum Melayu, Cina dan India dan lain-lain hidup dalam suasana harmoni serta saling menghormati.

“Saling hormat-menghormati dan meraikan perbezaan merupakan kunci utama kepada perpaduan di Kelantan.

“Sambutan seperti ini menjadi jambatan untuk mengukuhkan hubungan antara kaum,” katanya.

Beliau turut menegaskan, kepel-

bagaian kaum bukan alasan untuk berpecah, sebaliknya asas untuk saling memahami dan memperkukuh hubungan sesama masyarakat.

Jelasnya, perpaduan yang wujud tidak boleh sekadar menjadi slogan, sebaliknya perlu diterjemahkan melalui tindakan termasuk penglibatan belia pelbagai kaum serta keprihatinan terhadap golongan memerlukan.

“Penglibatan belia dan masyarakat dalam aktiviti kesukarelawan, kebajikan dan pembangunan komuniti mampu merapatkan jurang serta membina kepercayaan antara komuniti,” katanya.

Beliau juga menggalakkan anak muda Kelantan termasuk masyarakat Tionghua tampil sebagai pem-



impin masa depan negeri.

“Kita mahu anak-anak muda menyertai aktiviti kesukarelawan, keusahawanan, sukan dan pelbagai program pembangunan belia yang dianjurkan kerajaan negeri, khususnya melalui Urus Setia Belia dan Sukan Negeri Kelantan,” katanya.

Tambahnya, perpaduan kukuh menjadi asas kepada kestabilan dan kemajuan ekonomi negeri kerana tanpa perpaduan, pembangunan mampan sukar dicapai.

“Budaya kasih sayang merentas kaum adalah nilai yang kita junjung bersama. Dalam apa jua perayaan, nilai kekeluargaan dan penghormatan kepada orang tua sentiasa menjadi teras masyarakat di negeri ini,” ujarnya.

## Pemain industri, rakan media diiktiraf tonggak pelancongan Kelantan



Oleh: Norzana Razaly

**KOTA BHARU**, 16 Februari – Pemain industri pelancongan dan rakan media diiktiraf sebagai tonggak penting dalam memperkukuh kedudukan Kelantan sebagai destinasi berasaskan warisan, budaya dan pengalaman autentik.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor berkata dedikasi serta kesungguhan pemain

industri pelancongan, penggiat seni, komuniti setempat dan rakan strategik telah menyumbang secara signifikan kepada pembangunan sektor berkenaan.

“Dedikasi dan kesungguhan tuan-tuan dan puan-puan telah membantu memperkukuh kedudukan negeri sebagai destinasi yang kaya dengan warisan, budaya dan pengalaman pelancongan yang autentik,” katanya ketika merasmikan Majlis Makan Malam Pemain



Industri Pelancongan dan Media Kelantan di sebuah hotel, di sini, pada Ahad.

Beliau turut mengiktiraf peranan penting pihak media yang menjadi rakan strategik dalam mempromosikan destinasi, acara kebudayaan dan produk pelancongan kepada khalayak lebih luas.

“Melalui liputan media dan platform digital, keunikan negeri ini dapat diketengahkan, sekali gus memperkukuh imej dan daya tari-

kan pelancongan kita,” katanya.

Menurutnya, sinergi antara kerajaan, pemain industri dan media perlu terus diperkasa agar sektor pelancongan Kelantan berkembang secara mampan serta berdaya saing di peringkat domestik dan antarabangsa.

Dalam perkembangan sama, beliau turut mengumumkan penjenamaan semula Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) kepada Tourism Kelantan selaras dengan fungsi dan peranannya yang semakin meluas dalam mempromosi serta menyelaras sektor pelancongan negeri.

Jelasnya, langkah penjenamaan itu mencerminkan komitmen kerajaan negeri untuk memperkukuh struktur pengurusan pelancongan secara lebih profesional dan strategik, sejajar dengan aspirasi menjadikan Kelantan sebagai destinasi pilihan utama pelancong.

# Projek Emas Untuk Palestin kutip lebih RM300,000, 4 kontena bantuan bakal dihantar ke Mesir



Oleh: Syamimi Manah

**KOTA DARULNAIM**, 15 Februari – Perkembangan Projek Emas Untuk Palestin terus menunjukkan hasil yang positif apabila berjaya mengumpul lebih RM300,000 hasil keprihatinan masyarakat terhadap nasib rakyat Palestin.

Projek tersebut merupakan inisiatif Urus setia Kebajikan, Pem-

angunan Keluarga dan Wanita (U-KeKWa) dengan kerjasama Majlis Perundingan Wanita Kelantan serta Pertubuhan Cakna Palestin dalam menyelaras gerak kerja kutipan dan penyaluran bantuan secara sistematik dan berfasa.

Perkembangan tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Projek Emas Untuk Palestin di Bilik Gerakan Negeri, Kompleks

Kota Darulnaim, yang dipengerusi-kan oleh Timbalan Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Nor Asilah Mohamed Zin pada Khamis.

Menurut YB Nor Asilah, bagi Fasa 1 (Oktober 2024 hingga Januari 2025), projek itu berjaya mengumpul dana sebanyak RM75,258. Manakala bagi Fasa 2 (Februari 2025 hingga Januari 2026), jumlah kutipan meningkat kepada RM228,557.99.

“Dengan hasil daripada jualan emas yang menyumbang sebanyak RM176,903.28. Secara keseluruhan, jumlah terkumpul bagi Projek Emas Untuk Palestin adalah sebanyak RM303,815.99,” jelasnya.

Selain itu, hasil jualan emas turut menyumbang sebanyak RM176,903.28, menjadikan jum-

lah keseluruhan terkumpul sebanyak RM303,815.99.

Tambah YB Nor Asilah, dana yang diperoleh telah disalurkan dalam bentuk bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin, antaranya bakul makanan sempena pra-Ramadan, Inisiatif Dapur Kelantan bagi penyediaan makanan, bantuan bekalan air, hadiah khas untuk wanita bagi persiapan sebelum Aidilfitri serta pelaksanaan projek gandum bagi keperluan makanan asas.

Sebagai kesinambungan usaha kebajikan tersebut, pada 16 Februari 2026, sebanyak empat kontena bantuan melibatkan tiga kontena gandum dan satu kontena pek makanan akan disampaikan kepada kem pelarian Palestin di Mesir melalui Yayasan Amal.

# Kerajaan Kelantan tawar insentif pengecualian 100 peratus bayaran pindah milik sempena MAPEX 2026

Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM**, 15 Februari – Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa peka terhadap keperluan rakyat untuk memiliki rumah sendiri sebagai tempat tinggal yang selesa dan selamat dengan menawarkan beberapa insentif kepada pembeli.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar Hilmi Abdullah berkata, antara insentif ditawarkan oleh kerajaan negeri sempena Pameran Hartanah (MAPEX) Kelantan 2026 ialah pengecualian 100 peratus bayaran pendaftaran pindah milik serta pengecualian 100 peratus bayaran pendaftaran gadaian bagi unit Rumah Mampu Milik (RMM) kepada pembeli rumah kali pertama.

Beliau berkata, keistimewaan turut diberikan kepada orang Melayu bukan anak Kelantan yang ingin membeli rumah di negeri ini namun tertakluk kepada beberapa syarat ditetapkan.

“Antara syaratnya, hartanah hendaklah dibeli daripada pemaju berlesen yang mendaftarkan projek



mereka dengan MAPEX.

“Pembeli juga hendaklah bekerja dalam sektor kerajaan di Kelantan serta mempunyai pertalian dengan anak Kelantan seperti berkahwin dengan anak Kelantan atau mempunyai anak yang lahir di Kelantan,” katanya menerusi media sosial, pada Sabtu.

Pembeli yang berminat juga boleh merujuk tempoh promosi MAPEX melalui REHDA Malaysia atau pemaju yang menyertai MAPEX 2026 Kelantan.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan kerajaan negeri telah menyiapkan rangka Dasar Rumah Mampu Milik Kelantan 2026 yang menekankan empat perkara utama

iaitu keutamaan kepada pembeli rumah pertama, harga munasabah dan terkawal, spesifikasi minimum yang selesa dan selamat serta kuota wajib RMMK dalam projek baharu melebihi tiga ekar.

“Ini adalah sebahagian usaha pihak kerajaan bagi memastikan setiap keluarga memiliki tempat berteduh yang sempurna kerana dalam Islam, tempat tinggal yang selesa adalah asas kesejahteraan keluarga.

“Kita mahu pembangunan di Kelantan bukan sahaja moden dan kompetitif, tetapi juga patuh Syariah, berintegriti dan diberkati Allah SWT.

“Kita tidak mahu pemaju se-



kadar membina rumah, tetapi kita juga mahu membina masyarakat yang sakinah, mawaddah dan rahmah,” jelasnya.

Terdahulu, beliau mewakili Menteri Besar Kelantan merasmikan majlis penutup Pameran Hartanah (MAPEX) Kelantan 2026 yang berlangsung selama tiga hari bermula 12 hingga 14 Februari di Mydin Mall Tunjung, di sini pada Sabtu.

Dalam pameran tersebut, sebanyak 13 syarikat pemaju perumahan termasuk institusi kewangan dan perbankan membuka reruai pameran dengan 700 unit hartanah bernilai lebih RM200 juta ditawarkan kepada pembeli.

# Pesawah wira sekuriti makanan negara, kebajikan mereka dipelihara - Exco Pertanian

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 15 Februari – Kerajaan Negeri Kelantan menegaskan komitmen berterusan dalam membela kebajikan pesawah yang disifatkan sebagai wira sekuriti makanan negara menerusi pelbagai dasar dan inisiatif pengukuhan industri padi.

Penegasan itu disampaikan Exco Pertanian, Industri Agro-makanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail ketika sesi interaksi dalam Seminar dan Dialog Pengairan Sawah Padi Negeri Kelantan 2026 yang berlangsung di sebuah hotel di Tunjong, hari ini.

Dialog tersebut turut menampilkan Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Negeri Terengganu YB Dato' Dr Azman Ibrahim sebagai panel jemputan bagi sesi dialog bersama peserta dalam kalangan pesawah, pengilang padi dan broker mesin padi seluruh Kelantan.

Menurut Dato' Tuan Saripudin, Kelantan mempunyai Dasar Pertanian Negeri Kelantan dengan sasaran untuk muncul sebagai negeri jelapang makanan.

"Kelantan merupakan negeri kedua terluas tanaman padi di Malaysia dengan keluasan melebihi 40,000 hektar selepas Kedah. Daripada jumlah itu, lebih 26,000 hektar berada di bawah seliaan KADA," katanya.

Beliau menjelaskan, sebahagian besar kawasan padi di Pasir Mas, Kota Bharu dan Pasir Puteh menggunakan pam air di bawah KADA



yang mengambil sumber air dari Sungai Kelantan dan kerajaan negeri tidak menghalang penggunaan sumber tersebut untuk tujuan pertanian.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan bahawa Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan turut menyalurkan peruntukan khas bagi industri padi di Kelantan, manakala kerajaan negeri menyediakan bajet sebanyak RM6.97 juta untuk dipohon bagi memaksimumkan hasil tanaman termasuk padi.

"Kita nak industri padi di Kelantan ini semakin baik, bukan menurun. Insya-Allah dengan bajet yang ada, kita beri peluang kepada pesawah. Jika ada yang memerlukan pam enjin, boleh mohon dengan kerajaan negeri," ujarinya.

Mengulas isu pematangan kualiti belian padi yang dibangkitkan peserta, beliau berkata perkara itu perlu dibincangkan secara

menyeluruh melibatkan pelbagai pihak bagi mencari penyelesaian yang lebih praktikal dan adil.

Antara cadangan yang diketengahkan ialah memaparkan carta potongan berdasarkan kadar kelembapan bagi mengelakkan pematangan secara subjektif, selain melaksanakan ujian kualiti secara persampelan di hadapan pesawah.

"Sampel padi diambil di hadapan pesawah, satu disimpan di kilang dan satu lagi dihantar ke makmal bagi mengurangkan manipulasi bacaan mesin kelembapan.

Semua kilang juga dicadangkan menggunakan mesin penggredan yang ditentukan secara berkala untuk tujuan pensijilan dan audit oleh JPS," jelasnya.

Beliau turut mencadangkan penubuhan Jawatankuasa Timbang Padi Negeri yang dianggotai wak-

“

Kelantan merupakan negeri kedua terluas tanaman padi di Malaysia dengan keluasan melebihi 40,000 hektar selepas Kedah. Daripada jumlah itu, lebih 26,000 hektar berada di bawah seliaan KADA,”

il pesawah, pengilang, kerajaan negeri dan agensi teknikal bagi memastikan ketelusan serta kebajikan pesawah terus terpelihara.

Menurutnya, isu tersebut bukan sahaja berlaku di Kelantan malah turut dibangkitkan di negeri-negeri lain dan akan dibawa ke peringkat jawatankuasa lebih menyeluruh.

Exco Pertanian Negeri Kelantan merakamkan penghargaan kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) atas penganjuran seminar berkenaan yang menjadi medan pertukaran pandangan serta penyelarasan tindakan dalam kalangan pemain industri.

Beliau turut menggesa pesawah yang mempunyai sebarang aduan supaya mengemukakan laporan lengkap untuk dibawa ke peringkat Exco dan kementerian agar tindakan sewajarnya dapat diambil.



# AI realiti baharu komunikasi, penguasaan ilmu tuntutan semasa

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 15 Februari – Timbalan Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Nik Bahrum Nik Abdullah menegaskan bahawa kecerdasan buatan (Artificial Intelligence, AI) merupakan satu gelombang besar yang sedang mengubah cara manusia bekerja, berfikir, berinteraksi dan mempengaruhi masyarakat.

Menurutnya, perbincangan mengenai AI bukan lagi bersifat spekulatif atau bermusim, sebaliknya ia adalah realiti yang tidak boleh dinafikan.

“Hari ini kita bercakap tentang AI. Ada yang melihatnya sebagai trend sementara, ada juga yang melihatnya sebagai ancaman kepada peranan manusia. Namun bagi saya, AI adalah satu realiti yang tidak boleh ditawarkan-tawar.

“Ia sudah berada dalam telefon kita, menentukan apa yang muncul dalam paparan media sosial dan mempengaruhi arus maklumat dunia tanpa kita sedari. Ia tidak menunggu kita bersedia, ia terus bergerak,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Bengkel Ai Pro (Pengkhususan Media) di Dewan Teratai, Kompleks Kota Darul-



naim, hari ini.

Mengulas kebimbangan bahawa teknologi akan menggantikan tenaga manusia, beliau menjelaskan bahawa realiti semasa menunjukkan manusia bukan digantikan oleh mesin, sebaliknya oleh manusia lain yang lebih mahir menguasai teknologi.

“Dahulu orang bimbang mesin akan mengambil alih kerja manusia. Hari ini lebih jelas, manusia tidak akan digantikan oleh mesin, tetapi akan digantikan oleh manusia yang tahu menguasai mesin,” tegasnya.

Sehubungan itu, beliau merakamkan penghargaan dan tahniah kepada pegawai media Dewan Undangan Negeri (DUN) serta kepimpinan sayap dewan yang hadir kerana memilih untuk menguasai perubahan, bukan sekadar menjadi pemerhati di pinggiran

arus kemajuan.

YB Nik Bahrum turut menekankan bahawa platform AI yang digunakan hari ini, sama ada dibangunkan oleh OpenAI, Google atau pemain teknologi lain, hanyalah alat yang berfungsi memproses data dan mengenal pola berdasarkan kebarangkalian.

“AI tidak mempunyai hati nurani, tidak mempunyai niat dan tidak mempunyai kompas moral. Kebijaksanaan, pertimbangan serta nilai tetap milik manusia.

“Jika digunakan oleh tangan yang jujur, ia menjadi wasilah kebaikan. Jika digunakan secara cuai, ia boleh menjadi punca kerosakan,” katanya.

Beliau mengingatkan bahawa sebagai penggerak penerangan, komunikasi politik dan dakwah, setiap individu memikul amanah besar kerana setiap ayat, grafik dan

respons yang disiarkan membentuk persepsi rakyat.

“AI boleh mempercepatkan kerja kita, tetapi AI tidak boleh mengambil alih tanggungjawab kita,” ujarinya.

Program anjuran Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) itu bertujuan memperkukuh penguasaan teknikal dan kemahiran penggunaan AI dalam kalangan pengurus media serta kepimpinan komunikasi negeri bagi memastikan penyampaian maklumat lebih pantas, tepat dan berintegriti selaras dengan perkembangan teknologi semasa.

Bengkel berkenaan dibimbing oleh fasilitator, Khairul Nazdir Helmi Azhar dan menghimpunkan 80 peserta dalam kalangan pengurus media serta kepimpinan komunikasi negeri bagi memastikan penyampaian maklumat lebih pantas, tepat dan berintegriti selaras dengan perkembangan teknologi semasa.



## Pembinaan hotel baharu rancakkan sektor perhotelan di Kelantan



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 16 Februari - Pembinaan hotel baharu di Bandar Tunjong dijangka menjadi pemangkin kepada lonjakan sektor perhotelan serta merangsang pertumbuhan pelancongan secara

menyeluruh di negeri ini.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud berkata, projek berkenaan mampu membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat.

“Ia bukan sahaja merencanakan



ekonomi setempat serta membuka peluang pekerjaan, bahkan mengangkat imej Bandar Tunjong khususnya dan negeri Kelantan amnya sebagai destinasi yang progresif, berdaya saing dan diyakini pelabur serta pelancong,” katanya menerusi media sosial, pada

Ahad.

Terdahulu, beliau menerima kunjungan daripada Pengasas dan Pengarah Urusan Kumpulan Damai Abadi. Dato’ Sri Mohamed Rafik Mohd Idris di pejabat beliau di Mabna, Kompleks Kota Darulnaim pada Ahad.

Dalam pertemuan itu, Dato’ Sri Mohamed Rafik membentangkan perkembangan terkini projek Mar-dhiyyah Hotel & Suites di Tunjong.

Projek berkenaan dijangka memberi impak positif kepada pembangunan kawasan Bandar Tunjong, sekali gus menyokong agenda kerajaan negeri dalam memperkukuh sektor pelancongan di Kelantan.

# Layanan adil untuk semua kaum di Kelantan, walaupun berbeza agama dan bangsa, kita satu keluarga - Exco Agama

Oleh: Asri Hamat

**KOTA BHARU**, 16 Februari – Kerajaan Negeri Kelantan menegaskan bahawa tiada sebarang perbezaan layanan antara kaum dalam masyarakat di Kelantan walaupun berbeza bangsa dan agama.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, semua kaum adalah berasal daripada keturunan yang sama dan wajar hidup dalam suasana harmoni serta saling menghormati.

“Kita tidak pernah membezakan antara bangsa dalam masyarakat. Contohnya ini Melayu, ini Cina, ini India. Tidak ada perbezaan.

“Kita daripada datuk nenek yang sama. Kalau kita susur galur keturunan, boleh jadi ratusan pupu kita antara satu sama lain. Jadi kita semua waris.”

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Program Santuni Masyarakat Tionghua sempena Sambutan Tahun Baharu Cina 2026 di Taman Hijau, di sini pada, Ahad.

Menurutnya, seluruh manusia berasal daripada ibu bapa yang



satu iaitu Nabi Adam dan Hawa, justeru perbezaan agama, bangsa dan adat tidak seharusnya menjadi penghalang untuk hidup sebagai sebuah keluarga besar.

“Perbezaan agama, bangsa dan adat tidak menghalang untuk kita berbuat baik serta hidup seperti satu keluarga. Bahkan kita hendaklah saling bantu-membantu antara satu sama lain serta mengambil berat dalam soal sakit demam dan sebagainya.

“Itu yang kita mahu wujudkan dalam masyarakat di negeri Kelantan,” katanya.

YB Mohd Asri turut mencontohkan kehidupan masyarakat pada zaman Nabi Muhammad SAW

yang hidup dalam keadaan baik dan harmoni bersama masyarakat bukan Islam.

Katanya, Nabi Muhammad SAW pernah memenuhi jemputan masyarakat Yahudi ke rumah mereka, sekali gus menggambarkan wujudnya hubungan toleransi dalam kehidupan bermasyarakat berbilang kaum dan agama.

“Ini yang mahu kita bawa di Kelantan,” katanya.

Dalam program berkenaan, seramai 250 masyarakat Tionghua sekitar Kota Bharu hadir termasuk 50 muallaf atau saudara baharu. Turut disampaikan sumbangan bakul makanan.

Program tersebut merupakan



sebahagian daripada inisiatif di bawah Ziarah Dakwah Ukhuwah yang dianjurkan secara berkala oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) kepada golongan bukan Islam.

Program kali ini dijayakan dengan kerjasama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Masjid Jamek Muhammad dan International Islamic Information & Daawah Centre (IIDAC).

Hadir sama, Pengarah JAHEAIK Dr Hasnan Ramli, Pengarah Bahagian Dakwah JAHEAIK Anuar al-Sadat Noor, Pengerusi IIDAC Muhammad Micheal (Mat Ghana).

## Anak muda Wakaf Bharu hasilkan 100,000 ekor belut setahun, perkukuh industri akuakultur



Oleh: Syamimi Manah

**TUMPAT**, 19 Februari – Industri akuakultur belut pedaging di negeri Kelantan semakin berkembang apabila anak muda di Kampung Banggol Petani, Wakaf Bharu kini mampu menghasilkan lebih 100,000 ekor setahun, sekaligus

membuka peluang ekonomi baharu dalam sektor agromakanan.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, beliau bersama Ahli Dewan Negeri (ADN) Wakaf Bharu YB Mohd Rusli Abdullah dan Ahli Parlimen Tumpat YB Dato'



Mumtaz Md Nawawi berkesempatan mengadakan lawatan ke projek ternakan berkenaan, pada Isnin.

“Lawatan ini untuk meninjau perkembangan industri yang semakin mendapat perhatian usahawan tani tempatan” katanya di laman rasmi pada hari yang sama.

Menurutnya, projek yang diu-

sahakan oleh Mohammad Azman Abdul Rashid@Ramli dan Muhammad Hairi Ishak sejak tahun 2023 itu membolehkan kapasiti pengeluaran mencecah lebih 100,000 ekor setahun.

“Projek yang diusahakan sejak tahun 2023 ini melibatkan keseluruhan rantai ternakan bermula daripada pembiakan, asuhan sehingga pembesaran belut dengan kapasiti pengeluaran melebihi 100,000 ekor setahun,” ujarnya.

Tambahnya, projek tersebut turut berperanan sebagai pusat rujukan dan latihan kepada penternak yang berminat menceburi industri ternakan belut, sekali gus memperkukuh lagi sektor agromakanan negeri.

# Terminal Dua LTSIP dibuka sepenuhnya hari ini, sedia terima 10,000 penumpang sehari

Oleh: Asri Hamat


KOTA BHARU, 19 Februari - Terminal Dua Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) beroperasi sepenuhnya hari ini, sekali gus bersedia menerima kapasiti 10,000 penumpang sehari.

Timbalan Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Saizol Ismail berkata walaupun masih terdapat beberapa aspek teknikal yang belum disiapkan sepenuhnya, namun operasi terminal baharu itu berjalan lancar.

“Alhamdulillah, setakat hari ini kita dapati operasi berjalan dengan baik. Kemudahan yang disediakan amat selesa dan ruang letak kereta mencukupi untuk kegunaan penumpang yang mencecah sehingga 10,000 orang sehari,” katanya ketika ditemui selepas mengadakan lawatan sempena pembukaan terminal dua LTSIP, hari ini.

Tambahnya, pembinaan dan pembukaan sepenuhnya terminal berkenaan adalah satu perkembangan positif yang dinantikan rakyat negeri ini sejak sekian lama.

“Kita di peringkat negeri sudah lama menunggu untuk melihat



pembinaan infrastruktur seperti ini bagi kemudahan rakyat. Ia memberi impak besar kepada kesejahteraan pengguna serta pembangunan ekonomi negeri,” katanya.

Dalam pada itu, beliau menyeru orang ramai agar merancang perjalanan lebih awal menjelang musim perayaan dengan menjadikan pengangkutan udara sebagai salah satu alternatif utama.

“Saya dimaklumkan penerbangan tambahan akan disediakan oleh

pihak operator penerbangan bagi menampung peningkatan jumlah penumpang,” jelasnya.

Menurutnya lagi, satu laluan penerbangan antarabangsa baharu ke Jakarta juga akan diperkenalkan dalam masa terdekat, dengan promosi jualan tiket dijadualkan bermula 23 Februari ini, manakala penerbangan sulung dijangka pada pertengahan tahun ini.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang

“Alhamdulillah, setakat hari ini kita dapati operasi berjalan dengan baik. Kemudahan yang disediakan amat selesa dan ruang letak kereta mencukupi untuk kegunaan penumpang yang mencecah sehingga 10,000 orang sehari,”

terlibat dalam menjayakan pembinaan dan pembukaan sepenuhnya LTSIP.

“Saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dan menjayakan pembinaan LTSIP ini demi manfaat rakyat,” katanya.

Turut sama dalam lawatan tersebut ialah Ahli Dewan Negeri (ADN) Chempaka YB Nik Bahrum Nik Abdullah.





Terminal Dua LTSIP dibuka sepenuhnya hari ini, sedia terima 10,000 penumpang sehari

## Kelantan pertingkat persiapan awal SUKMA 2028 melalui kerjasama strategik bersama Selangor

Oleh: Syamimi Manah

**KOTA BHARU**, 19 Februari 2026 – Kerajaan Negeri Kelantan terus mempertingkatkan persiapan awal menjelang penganjuran Sukan Malaysia (SUKMA) Kelantan 2028 menerusi kerjasama strategik bersama Sekretariat SUKMA XXII & PARA SUKMA Selangor 2026.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad memaklumkan bahawa beliau menerima kunjungan hormat delegasi Sekretariat SUKMA XXII & PARA SUKMA Selangor 2026 pada Isnin.

Kunjung hormat itu diketuai Exco Belia, Sukan dan Keusahawanan Negeri Selangor YB Mohd Najwan Halimi bagi membincangkan persediaan menjelang penganjuran SUKMA Kelantan 2028.

Menurut YB Zamakhshari, Kerajaan Negeri Kelantan merakam-



kan penghargaan atas kesediaan pihak Selangor untuk berkongsi pengalaman serta kepakaran dalam aspek pengurusan dan penganjuran temasya sukan berskala besar.

“Perkongsian ini membuka ruang kerjasama strategik antara negeri dalam memastikan perancangan, logistik dan pelaksanaan SUKMA Kelantan berjalan dengan tersusun dan berkesan,” katanya dalam kenyataan di laman rasmi pada Isnin.



Delegasi Selangor turut disertai Ketua Pegawai Eksekutif Sekretariat SUKMA Selangor merangkap Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pengurusan) Dato’ Mohd Yazid Sairi serta Pengarah Eksekutif Majlis Sukan Negeri Selangor Mohamad Nizam Marjugi.

Turut hadir mewakili Kelantan ialah Ketua Pegawai Eksekutif Sekretariat SUKMA Negeri Kelantan Dato’ Azi Rahimee Mohamed,

Ketua Pegawai Operasi Sekretariat SUKMA Kelantan Muhammed Imran Mansoor dan Pengarah Majlis Sukan Negeri Kelantan Mohd Arman Zulkifli.

YB Zamakhshari berharap jalinan kerjasama ini menjadi langkah awal yang penting ke arah menjayakan SUKMA Kelantan 2028 secara profesional, tersusun dan berimpak tinggi demi pembangunan sukan serta kemajuan generasi muda negeri ini.

## 34 projek dalam pembinaan dan perancangan, atasi isu air Kelantan



Oleh: Norzana Razaly

**KOTA BHARU**, 19 Februari - Sebanyak 34 projek kini dalam pembinaan dan perancangan bagi mengatasi isu air di Kelantan.

Timbalan Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Saizol Ismail memaklumkan bahawa setakat ini, 13 projek sudah siap, manakala sembilan projek dalam pembinaan, 16 projek dalam proses reka bentuk manakala



sembilan lagi dalam perancangan.

Menurutnya, daripada jumlah projek berkenaan kebanyakan projek dijangka siap pada 2028, manakala dua projek sahaja dijangka siap 2030.

“Projek berkenaan termasuk pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) di beberapa daerah di negeri ini dan insya Allah masalah air boleh diatasi,” katanya di Majlis Mesra Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) Bersama Media Kelantan pada Ahad.

Katanya lagi, AKSB sudah mengambil langkah tertentu bagi mengatasi masalah berkenaan dengan penyediaan 16 lori bagi penghantaran udara ke lokasi berkenaan.

“Akhir tahun lalu kita membuka tender dan mendapat geran daripada Kerajaan Pusat untuk penyediaan lori membabitkan kos RM6.7 juta bagi tempoh dua tahun.

“Bagi kawasan yang dikenali pasti kritikal masalah air, sebanyak

16 lori berkenaan akan menghantar bekalan dan dengan cara itu ia sedikit sebanyak membantu mereka yang berdepan masalah bekalan udara,” katanya.

Dalam perkembangan lain, YB Saizol menjelaskan bahawa pihaknya juga kini dalam proses penggantian paip lama secara menyeluruh bagi mengurangkan kadar air tidak berhasil (NRW) di negeri ini membabitkan jarak hampir 4,000 kilometer (km).

“Proses penggantian berkenaan dilakukan secara berperingkat dengan lebih 200km sudah diganti setakat ini selain tumpuan utama diberikan di Kota Bharu. Kita memfokuskan Kota Bharu memandangkan lebih 50 peratus paip yang perlu ditukar atau diganti di daerah ini sebelum memberi tumpuan daerah-daerah lain.

“Setiap tahun kita mensasarkan boleh melakukan penggantian paip sepanjang 150km,” ujarnya.